



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu

**MODUL
PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN
SPM 2026**

MPP 3

**BAHASA MELAYU
KERTAS 1**

Nama :

Kelas :



DISEDIAKAN OLEH PANEL AKRAM NEGERI TERENGGANU

Tidak dibenarkan menyunting atau mencetak mana-mana bahagian dalam modul ini tanpa kebenaran Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu.



Bahagian A

[30 markah]

Soalan ini mesti dijawab.

Petikan dan grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan dengan penyalahgunaan dadah.

Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang langkah-langkah menghindari penyalahgunaan dadah dalam kalangan remaja.

Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

The composite image consists of three parts:

- Newspaper Clipping:** A headline from 'KERATAN AKHBAR MALAYSIA' dated 23 Mei 2026, page 4, under the 'Berita Domestik' section. The main headline is 'ANCAMAN PENYALAHGUNAAN DADAH'. The text below states: 'KUALA LUMPUR – Penyalahgunaan dadah secara umumnya didefinisikan sebagai penggunaan bahan kimia berbahaya secara haram tanpa preskripsi doktor atau bukan untuk tujuan perubatan. Masalah ini memerlukan perhatian serius daripada semua pihak bagi memastikan kesejahteraan komuniti terpelihara.' To the right of the text are four small images labeled: 'Pili Dadah', 'Beruk Heroin', 'Suntikan Dadah', and 'Ganja Dibungkus'.
- Family Scene:** A black and white photograph of a family (father, mother, and two children) sitting at a table. A speech bubble from the father says: 'Amar, jangan sesekali terlibat dengan najis dadah'. A speech bubble from the son says: 'Baik, ayah. Amar akan menjaga nama baik keluarga kita.' A speech bubble from the mother says: 'Amar mesti ingat pesanan ayah tu.' In the background, a poster on the wall reads 'REMAJA BENCI DADAH' with a crossed-out syringe icon.
- Seminar Poster:** A poster for a seminar titled 'BENTENG KESEDARAN : SELAMAT TANPA DADAH'. The speaker is 'Penceramah: Dr. Kamal Hassan, Pakar Pencegahan Dadah & Kaunselor'. The poster features a large image of a man speaking to a crowd. Text on the poster includes 'JAUHI DADAH, BINA MASA DEPAN', 'PROGRAM PEMERTAHAN SAKSIAN PELAKSI', and event details: 'HARI: RABU, 23 MAC 2026', 'MASA: 9.00 PADI - 11.00 PADI', and 'TEMPAT: DEWAN HARAPAN'.

Bahagian B

[70 markah]

Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

1.

Belakangan ini, masalah disiplin dalam kalangan murid di sekolah rendah dan sekolah menengah semakin meruncing. Data daripada Sistem Sahsiah Diri Murid (SSDM), Kementerian Pendidikan (KPM) menunjukkan jumlah kes buli, ponteng kelas, bergaduh, merokok, melawan guru dan vandalisme meningkat dari tahun 2021 hingga tahun 2023. Situasi ini jelas menunjukkan bahawa masalah disiplin dalam kalangan murid semakin serius dan memerlukan tindakan proaktif pelbagai pihak untuk menangani masalah tersebut.

Sumber : www.astrowani.com

Huraikan tindakan-tindakan tersebut.

2.

Permainan tradisional seperti congkak, yo-yo Cina dan kabaddi semakin dipinggirkan dalam kalangan generasi muda masa ini. Laporan media menunjukkan bahawa kewujudan permainan digital menyebabkan minat terhadap permainan ini semakin merosot. Selain itu, kurangnya pendedahan daripada ibu bapa kepada anak-anak dan media pula kurang mempromosikan permainan tradisional turut menjadi penyumbang keadaan ini berlaku.

Sumber : [Utusan Malaysia.com](http://Utusan.Malaysia.com)

Berdasarkan petikan, huraikan faktor-faktor generasi muda meninggalkan permainan tersebut.

[Lihat halaman sebelah

3.

SIBU, 2 Jun – Paras air yang semakin tinggi di beberapa kawasan memberikan gambaran bahawa akan berlakunya bencana banjir. Sehubungan dengan itu, penduduk di kawasan rendah dan berhampiran sungai diminta bersedia menghadapi bencana ini. Pegawai daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia berkata, persediaan awal sangat penting dilaksanakan untuk menghadapi bencana banjir, iaitu orang ramai perlu memastikan pendawaian elektrik di rumah dimatikan sebelum air mula naik.

Sumber : *Internet*

Selain persediaan yang terdapat dalam petikan, huraikan persediaan-persediaan menghadapi bencana tersebut.

4.

Kajian UNESCO pada tahun 2023 mendapati bahawa penggunaan pelbagai teknologi dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) guru di dalam kelas telah meningkat sebanyak 30 peratus. Hal ini membuktikan bahawa penggunaan teknologi dalam PdP bermanfaat pada era globalisasi ini. Oleh itu, penggunaan teknologi ini perlu diperluas kerana dapat meningkatkan minat murid untuk belajar, memudahkan akses kepada maklumat serta membantu murid menguasai kemahiran digital yang diperlukan pada masa hadapan.

Sumber : *UNESCO Report 2023*

Berdasarkan petikan, huraikan manfaat-manfaat teknologi tersebut.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

